

SOALAN NO.: 363

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : DR. HAJI IZANI HAJI HUSIN
[PENGKALAN CHEPA]**

SOALAN :

Dr. Haji Izani bin Haji Husin [Pengkalan Chepa] minta MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI menyatakan :-

- (a) apakah usaha Kerajaan dalam menangani harga komoditi getah yang tidak menentu; dan
- (b) apakah Kerajaan dapat menjangka harga komoditi ini untuk sesuatu tempoh misalnya 5 tahun atau 10 tahun akan datang berdasarkan maklumat dan data yang ada hari ini.

JAWAPAN:

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, harga getah seperti harga komoditi lain bergantung kepada permintaan dan penawaran di pasaran dunia. Di samping itu, Malaysia sebagai pengeluar getah asli keenam terbesar dunia secara bersendirian tidak dapat mempengaruhi harga getah di pasaran dunia.

Bagaimanapun, Malaysia bekerjasama dengan lain-lain negara pengeluar getah asli utama dunia bagi memperkuuhkan harga. Ini termasuk:

- i. Bekerjasama dengan Thailand dan Indonesia di bawah kerangka *International Tripartite Rubber Council* (ITRC). Ketiga-tiga negara menyumbang 67% daripada pengeluaran getah asli dunia. Langkah-langkah yang telah dipersetujui di bawah ITRC termasuk meningkatkan penggunaan getah asli dalam negara, kerjasama dalam penyelidikan dan pembangunan serta bertukar-tukar maklumat mengenai penggunaan dan penghasilan produk-produk getah. Di samping itu, usaha juga akan terus diambil untuk menambahkan bilangan ahli ITRC untuk memperkuuhkan keberkesanan pakatan ini. Vietnam baru-baru ini telah menyatakan persetujuan untuk menyertai ITRC. Penyertaan Vietnam akan mengukuhkan lagi kerjasama ini ,di samping membantu meningkatkan syer global pengeluaran negara-negara anggota ITRC

daripada 67% kepada 74% memandangkan Vietnam kini merupakan pengeluar getah asli ketiga terbesar dunia; dan

- ii. Malaysia merupakan ahli *Association of Natural Rubber Producing Countries* (ANRPC) yang dianggotai oleh sebanyak 11 buah negara yang menghasilkan 92% getah asli dunia. Mesyuarat peringkat Menteri-Menteri ANRPC di Kuala Lumpur pada 8 Mei 2015 di Kuala Lumpur telah bersetuju antara lain negara-negara ANRPC bekerjasama mengukuhkan harga getah asli. Ini termasuk kaedah mengimbangkan permintaan dan pengeluaran, perkongsian maklumat dan memperkuatkannya sekretariat ANRPC di Kuala Lumpur bagi menerajui aktiviti-aktiviti pengukuhan harga getah asli.

Selain itu, di peringkat domestik, Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC) akan meneruskan usaha-usaha untuk meningkatkan daya saing industri getah negara. Ini termasuk:

- i. Memperkuatkannya aktiviti-aktiviti penyelidikan dan pembangunan dalam penghasilan produk-produk baru dan kegunaan getah asli;
- ii. Bekerjasama dengan Jabatan Kerja Raya (JKR) bagi melaksanakan adunan getah dan bitumen untuk pembinaan dan penyelenggaraan jalan raya. Langkah ini akan meningkatkan permintaan domestik getah asli;

- iii. Menyediakan insentif di bawah Program Tanam Baru dan Tanam Semula Getah kepada pekebun kecil. Di bawah program ini, Kerajaan menyediakan insentif sebanyak RM9,230 sehektar di Semenanjung, dan Sabah dan Sarawak pada kadar RM14,000 sehektar dan RM13,500 sehektar masing-masing; dan
 - iv. Melaksanakan Insentif Pengeluaran Getah (IPG) mulai tahun 2015 di mana ianya akan diaktifkan apabila harga SMR 20 berada di paras RM4.60 sekilogram (se kg) dan ke bawah. Di bawah IPG, Kerajaan menyediakan insentif sebanyak RM0.30 bagi setiap kilogram *cuplump* yang dihasilkan.
- (b) Berhubung dengan tren harga bagi tempoh 5 hingga 10 tahun akan datang, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, harga getah asli semasa dan di masa hadapan bergantung kepada pertumbuhan ekonomi dunia serta dipengaruhi oleh faktor permintaan dan penawaran getah asli dunia.

Sekian, terima kasih.